

06 JAN 2005

CKPJ-BANGLADESH

KPJ HEALTHCARE AKAN URUS CONTINENTAL HOSPITAL DI BANGLADESH

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- KPJ Healthcare Bhd, kumpulan penjagaan kesihatan tempatan, menandatangani perjanjian pengurusan dengan Continental Hospital Ltd (CHL) bagi mengurus Continental Hospital di Dhaka, Bangladesh.

Dalam satu kenyataan hari ini, KPJ berkata perjanjian itu dimeterai melalui anak syarikatnya, Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd pada 18 Dis, 2004.

Pengarah urusan Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir menandatangani bagi pihak KPJ Healthcare manakala pengarah urusan CHL, Faridur Rahman Khan untuk CHL.

Majlis yang berlangsung di Dhaka itu disaksikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, bersempena Forum Perniagaan Bangladesh Malaysia yang pertama kali diadakan pada 17-19 Dis, 2004.

Hospital dengan 450 katil itu mempunyai kemudahan hebat dan terkini terletak di kawasan eksklusif Dhaka.

Ia akan menawarkan perkhidmatan diagnostik bertumpu, katanya.

"Hospital swasta bertaraf lima binatang" itu kini sedang dibina bagi memenuhi keperluan mereka yang berpendapatan tinggi dan pegawai dagang serta dijangka mula menawarkan perkhidmatannya pada pertengahan 2005.

Projek ini adalah bagi melengkapkan hospital kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menawarkan pilihan perkhidmatan perubatan.

Buat masa ini, rakyat tempatan mendapatkan rawatan di India, Thailand serta negara luar yang lain dan aliran keluar tukaran asing dianggarkan berjumlah AS\$300 juta (RM1.140 bilion) setahun.

Dengan perkembangan baru itu, kerajaan Bangladesh akan mengurangkan aliran keluar wang daripada negara berkenaan.

Satu lagi kesan daripada projek itu ialah peluang untuk menawarkan pekerjaan kepada rakyat tempatan serta meningkatkan status ekonomi dan kesejahteraan mereka serta membuka pintu untuk pembangunan seterusnya dengan sokongan infrastruktur penjagaan kesihatan yang baik.

Terdahulu KPJ menandatangani perjanjian menawarkan nasihat dan perundingan teknikal penjagaan kesihatan dalam membina dan mengendalikan hospital.

KPJ memiliki dan menguruskan 16 hospital pakar swasta di Malaysia termasuk dua di Indonesia.

Mengenai perkembangan lain, KPJ Healthcare hari ini menyumbang wang tunai dan keperluan asas yang lain kepada mangsa tragedi tsunami baru-baru ini.

KPJ Healthcare menganjurkan kutipan di 12 hospitalnya di Malaysia bagi memenuhi keperluan mangsa dan mereka yang terselamat daripada bencana tsunami itu.

Ia mengumumkan bahawa semua hospitalnya akan menjadi pusat pengumpulan tunai, bekalan perubatan dan makanan.

Selepas seminggu tempoh kutipan, perunding perubatan, pengurusan dan kakitangan KPJ Healthcare bersama-sama menyumbang sejumlah RM40,000 dalam bentuk tunai kepada MERCY Malaysia dan RM40,000 lagi kepada NSTP-BH-TV3-8TV National Tsunami Disaster Funds.

Semasa pembukaan Jabatan Pesakit Luar Hospital Pakar Seremban pada 31 Dis, 2004, KPJ Healthcare berikrar menyumbang bekalan perubatan bernilai RM50,000, dan wang RM50,000 daripada klinik amal KPJ Healthcare, Klinik Waqaf An-Nur kepada Dana Bantuan Antarabangsa Persatuan Bulan Sabit Merah

Malaysia kepada mereka yang terselamat di Malaysia, Aceh dan Sri Lanka.

KPJ Healthcare melalui MERCY Malaysia akan menghantar satu pasukan perubatan dan kakitangan sokongan bagi membantu mangsa di Aceh, dan kemudiannya di kawasan lain yang terjejas yang memerlukan bantuan. --

BERNAMA

SOR KTC NHD